

Pemilik premis degil terima padah



Struktur premis dibuka selepas dipercayai dibina di atas tanah rizab jalan di Lembah Jaya.

AMPANG - Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat serta Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bertindak tegas terhadap pemilik premis yang dipercayai mendirikan struktur bangunan di atas tanah rizab jalan di Lembah Jaya, semalam.

Pegawai Daerah Hulu Langat Datuk Zul-kielli@Zulkielli Khalid berkata, pihaknya mendapati terdapat dua kilang besi, sebuah stor simpanan barang dan sebuah kediaman yang sebahagian strukturnya dipercayai didirikan di atas tanah rizab tersebut.

"Mereka telah diarahkan membuka sebahagian struktur berkenaan setelah notis dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata, seramai 20

kakitangan PDT Hulu Langat, 40 anggota MPAJ bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang terlibat dalam operasi bersepadu di kawasan tersebut.

"Sebelum ini kita telah mengeluarkan Notis 425 yang diserahkan pada Ogos lalu. Pengusaha diberi tempoh 30 hari untuk membuka sebahagian struktur bangunan tersebut," katanya.

Malah katanya, pengusaha juga telah diberikan tempoh lanjutan namun mereka tetap berdegil.

"Operasi dijalankan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu pendudukan di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran."